

Sothinathan Setiausaha

BH - 2 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, yang juga Ahli Parlimen Teluk Kemang, S Sothinathan, dilantik sebagai Setiausaha Agung baru MIC berkuat kuasa serta-merta.

Pelantikan itu diumumkan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, dalam satu kenyataan hari ini.

"Dengan kuasa yang diperuntukkan kepada saya oleh perlembagaan MIC, saya melantik Sothinathan sebagai Setiausaha Agung

parti, berkuat kuasa serta-merta," katanya.

Berikutan pelantikan itu, Sothinathan melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Perhubungan MIC Negeri Sembilan kepada timbalannya, T Rajagopalu, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Jeram Padang.

Sothinathan menggantikan K Partiban yang diminta Samy Vellu supaya melepaskan jawatan Setiausaha Agung dengan alasan Partiban terlalu sibuk de-

ngan aktiviti keagamaan hingga tidak mempunyai banyak masa untuk tugas parti.

Selain itu, peletakan jawatan Partiban juga dikaitkan dengan surat layang berhubung skandal seks-nya.

Dengan pelantikan Sothinathan, 40, bermakna MIC menyaksikan pemilihan tiga muka baru berusia muda memegang jawatan utama parti dalam minggu ini, sekali gus mencerminkan ketelusan Samy Vellu

memberi peluang kepada golongan muda.

Rabu lalu, Samy Vellu mengumumkan pelantikan seorang lulusan Sains Politik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ramani Krishnan, 33, sebagai Setiausaha Eksekutif baru MIC.

Bagi menggantikan jawatan Setiausaha Politik yang dipegang Sothinathan sebelum ini, Samy Vellu mengemukakan nama seorang lulusan ekonomi daripada Universiti Malaya (UM),

Agung MIC

Ananthan Srinivasan, 28, untuk dipertimbangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika dihubungi hari ini, Sothinathan berkata beliau hanya mengetahui pelantikannya selepas diberitahu pemberita dan berterima kasih kepada presiden parti kerana menaruh kepercayaan dan harapan sebegitu tinggi terhadapnya.

"Ini adalah pengiktirafan MIC sedia menerima darah muda bagi menerajui pucuk pimpinan parti dan saya yakin generasi muda akan lebih tertarik untuk menyertai perjuangan MIC dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat India.

"Saya akan cuba memenuhi aspirasi dan harapan pucuk pimpinan dalam melaksanakan tanggungjawab baru ini selain meng-

galakkan penyertaan lebih ramai golongan muda dalam MIC," katanya.

Sothinathan berkata jawatan baru itu tidak menjadi masalah baginya yang kini turut menjadi Ahli Parlimen dan Setiausaha Parlimen kerana dapat membahagikan masa dan setakat ini tidak menerima sebarang aduan mengenai prestasinya.

Sementara itu, Ketua Perhubungan MIC Negeri Sembilan yang baru, T Rajagopalu, turut terkejut atas pelantikannya itu tetapi yakin tidak akan menghadapi masalah melaksanakan tugas barunya.

"Sebagai langkah pertama, saya akan merombak barisan Pemuda dan Wanita Negeri Sembilan selain mencadangkan beberapa perubahan dalam pucuk pimpinan peringkat negeri

untuk memantapkan lagi kedudukan parti di negeri ini.

"Pada masa yang sama, beberapa jawatankuasa baru dengan bidang tugas tertentu akan ditubuhkan bagi menangani pelbagai masalah berbangkit di kalangan masyarakat India," katanya.